



Sembang@Waghih

أونيت حال احوال اسلام

BIL.2

1 SEPTEMBER 2025
(8 RABIULAWAL 1447H)

(PENA UNIT HAL EHWAL ISLAM UiTMCNS)

Oleh : Puaad Osman – Penolong Pendaftar Kanan (HEI)

MUTIARA HADIS NABI

صَلَّى اللّٰهُ
عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ



GALAKKAN SUPAYA TEKUN BERUSAHA

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ
لَأَنْ يَخْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ
مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا، فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ

Terjemahan :

“Seseorang di antara kalian memikul seikat kayu di atas belakangnya lebih baik baginya daripada dia meminta-minta kepada orang lain, yang mungkin memberinya atau tidak memberinya.”

Riwayat Al-Bukhari & Muslim

Nilai Usaha Sendiri

Rasulullah ﷺ menekankan bahawa berusaha dengan tangan sendiri, walau dengan pekerjaan yang kelihatan remeh seperti mengutip kayu api, lebih mulia dan terhormat berbanding hidup meminta-minta.

Islam Menganjurkan Ketekunan dan Daya Usaha

Hadis ini menjadi bukti bahawa Islam amat menggalakkan umatnya untuk bekerja dan bersungguh-sungguh dalam kehidupan, tanpa bergantung kepada bantuan orang lain jika masih mampu berusaha.

Menjaga Maruah Diri

Orang yang tekun bekerja menjaga kehormatan dirinya, berbanding mereka yang suka meminta-minta yang boleh menjatuhkan maruah dan mengikis nilai harga diri.

Penutup

Hadis ini sangat relevan dalam dunia hari ini, di saat ramai yang mudah putus asa, mahu jalan pintas, dan hidup bersandar pada bantuan, Islam mengajar untuk tetap gigih, sabar dan bekerja keras berusaha tanpa lelah, dan bertawakal penuh pada Allah.



13 Ogos 2025 (Rabu) – Seminar Wanita Agung anjuran Unit Hal Ehwal Islam, UiTM Kampus Seremban dengan kerjasama Persatuan Wanita UiTM (PEWANI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan adalah sebuah inisiatif yang bertujuan untuk mengangkat dan merayakan peranan wanita dalam masyarakat, terutamanya berdasarkan teladan dan sifat-sifat yang ditunjukkan oleh Siti Khadijah binti Khuwaylid, isteri pertama Rasulullah SAW.

Siti Khadijah merupakan wanita yang unggul dalam aspek kekuatan emosi, intelektual, dan spiritual. Sebagai seorang usahawan yang berjaya, pemimpin dalam keluarga, serta seorang wanita yang memiliki sifat penyayang dan berani, beliau menjadi contoh teladan bagi wanita Muslim zaman kini.

Seminar ini memberi tumpuan kepada pemeraksanaan wanita dalam pelbagai aspek kehidupan melalui nilai-nilai yang terkandung dalam peribadi Siti Khadijah. Ia bertujuan memberi inspirasi kepada wanita untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam kerjaya, keluarga, dan dalam hubungan sosial mereka.

Seramai 200 orang telah menyertai seminar ini dari pelbagai lapisan masyarakat dan telah dirasmikan oleh YABhg, Datin Seri Hajah Wan Hasni binti Wan Yusof, Yang Dipertua Bakriyah Negeri Sembilan.

